

26/04/2003

Remaja perlu didedah isu realistik, relevan

Halina Mohd Noor

MEMANG sukar untuk ibu bapa berbincang mengenai seks dan kesannya kepada anak remaja. Hasilnya, remaja tidak mendapat maklumat dan gambaran sebenar

akibat daripada perhubungan intim di luar batasan agama. Justeru, rancangan remaja dan wanita muda yang semakin diminati ramai, 3R-Respek, Relaks, Respons pada musim enam dan tujuh mengutarakan isu yang dianggap sensitif ini secara kreatif.

Penerbit Eksekutif 3R, Datin Paduka Marina Mahathir, sewaktu berucap pada majlis pelancaran musim baru 3R di Mid Valley baru-baru ini, berkata

remaja perlu didedahkan dengan isu yang realistik dan relevan agar mereka

mendapat maklumat sebenar yang sering `disorokkan' oleh orang dewasa.

Antara isu yang dibincangkan ialah penyakit kelamin atau STD yang menerangkan petanda penyakit, punca dan cara merawatnya melalui pendekatan

drama pendek atau `role play' oleh pengacara Azah, Yuen dan Kartini.

"Pada musim baru ini, kita akan meneruskan formula yang memaparkan isu terkini golongan muda khususnya wanita tetapi dengan format baru menggunakan drama. 3R ingin menonjolkan isu-isu yang dianggap sensitif dalam masyarakat kita kerana jika tidak menghadapi isu-isu ini, mereka tidak akan mendapat penjelasan sebenar mengenainya. Oleh itu, 3R diharapkan dapat memberi ruang untuk perbincangan mengenai isu ini melalui

episodnya dan laman web 3r.com.my," katanya.

Tambahnya lagi, musim lepas menunjukkan keperluan untuk membincangkan isu ini dengan lebih terbuka kerana kebanyakan penonton ingin mendapat pengetahuan dan maklumat mengenai isu yang dihadapi mereka dalam kehidupan

seharian, sama ada yang positif atau negatif.

Topik lain yang dipaparkan pada musim keenam ialah gangguan seksual di tempat kerja, temujanji, wanita dalam tentera, wanita dalam pekan kecil, perkauman, dying young, menjadi groupie, perhubungan sejenis, wanita dan penyalahgunaan dadah, buruh wanita atau pekerja ladang wanita dan bapa saya beristeri dua. 3R mula ditayangkan pada 4 Mei jam 7.30 malam setiap Ahad di TV3 dan setiap hari Jumaat jam 8.00 malam di Astro Ria mulai 9 Mei ini.

"Kami turut gembira kerana penonton di Singapura akan turut menikmati 3R

melalui Suria TV kerana stesen itu telah membeli 20 episod 3R dari musim tiga, empat dan lima. Ini menunjukkan rancangan ini berpotensi menjadi sebuah formula yang boleh dieksport," katanya.

Rancangan yang pernah memenangi kategori `Program Informasi Terbaik' ini

turut merancang untuk menerbitkan 3R Indonesia dengan pengacara dan kandungan dari negara berkenaan. Thailand dan India juga berminat dan mengkaji mengenai potensinya akan dilakukan.

